

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah lambakan hasil pertanian, penternakan dan bahan mentah yang mengakibatkan kerugian besar dihadapi oleh pengusaha kerana tidak dapat menjual hasil mereka semasa penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sememangnya telah memberi kesan kepada sektor agromakanan negara secara langsung dan tidak langsung di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran, pemasaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.

Kesan pandemik COVID-19 kepada subsektor tanaman menyebabkan saiz penanaman ladang terpaksa dikecilkan, jadual penanaman disusun semula, penjualan hasil tuaian semakin berkurangan serta pertukaran kepada tanaman lain yang boleh memberikan pulangan segera kepada pengusaha. Selain itu masalah

SOALAN NO : 19

lambakan hasil pertanian, penternakan dan bahan mentah semasa penularan wabak COVID-19 juga berlaku akibat penutupan beberapa sektor ekonomi termasuk premis pemborongan, peruncitan dan sektor hotel, restoran dan katering.

Untuk mengatasi isu tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama agensi-agensi pemasaran dibawahnya telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian mereka. Antara langkah utama yang dijalankan termasuklah bantuan khidmat pemasaran, pembukaan Pasar Segar Terkawal (PST), pengukuhan jualan dalam talian, penyediaan insentif pemasaran serta pembangunan infrastuktur logistik dan pemasaran.

Melalui program khidmat pemasaran, FAMA telah membeli sebanyak 34,155 tan metrik tanaman buah-buahan bermusim (durian, cempedak, rambutan), timun, nangka, cili dan tembikai dengan nilai RM136.07 juta bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2021.

Di samping itu, agensi-agensi pemasaran MAFI turut membantu mengatur pasaran petani dengan segmen pasaran seperti pasaraya, kedai runcit, kilang pemprosesan dan pemborong. Sehingga 31 Ogos 2021, seramai 1,737 petani telah dibantu dengan nilai jualan berjumlah RM70 juta. LKIM juga telah membantu mengatur pasaran sebanyak 13 MT udang harimau yang bernilai RM340,000 bagi mengatasi isu udang harimau tidak terjual di Melaka pada bulan September 2021.

MAFI juga telah membuka PST dan Pasar Nelayan bagi menyediakan ruang pasaran kepada pengeluar untuk memasarkan hasil pengeluaran terus kepada pengguna. Sehingga 31 Ogos 2021 terdapat 84 PST dan 92 Pasar Nelayan di seluruh negara yang telah berjaya memberi manfaat kepada 9,790 pengeluar dan 640 orang nelayan dengan jumlah pengguna seramai 25,390,000 orang.

Dalam masa yang sama, MAFI turut mengatur pelbagai program bagi memperkukuh pemasaran digital sebagai kaedah pemasaran alternatif. Antaranya termasuklah kerjasama strategik

SOALAN NO : 19

dengan platform e-dagang swasta seperti Shopee, Lazada, AirAsia Farm, Mukmin Mart, Grab dan Foodpanda.

Melalui *online store* Agrobazaar Malaysia di Shopee dan AirAsia Farm, FAMA telah mencatat nilai jualan sebanyak RM675,177 bagi tempoh 16 April 2020 sehingga 31 Ogos 2021. Selain itu, Agrobazaar Online yang diuruskan oleh FAMA telah mencapai nilai jualan sebanyak RM3.17 juta dalam tempoh yang sama. AirAsia Farm turut menjalinkan kerjasama dengan MAFI dalam memasarkan Mangga Harumanis ke Sabah. Melalui kerjasama ini, sebanyak 10 metrik tan Harumanis bernilai RM306,000 telah dapat dipasarkan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) turut melaksanakan inisiatif pemasaran secara digital melalui laman web nekmatbiz serta media sosial dengan menawarkan perkhidmatan penghantaran pesanan terus ke rumah pengguna. Melalui platform nekmatbiz.com.my, LKIM telah mencatat nilai jualan RM231,540 bagi tempoh Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2021.

Melalui inisiatif PRIHATIN, MAFI telah menerima peruntukan untuk menambahbaik infrastruktur pemasaran seperti pusat pengumpulan, pusat pengedaran, bilik sejuk dan depoh penyimpanan. Sebanyak RM6.6 juta peruntukan bagi inisiatif ini telah disalurkan ke Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, RM30 juta ke LKIM dan RM10 juta ke Lembaga Pertubuhan Peladang. Dengan penambahbaikan ini, lebih banyak infrastruktur pemasaran dapat disediakan di seluruh negara untuk memastikan hasil pertanian dapat dipasarkan kepada pengguna dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.